

# GLYADE TABLET

Gliclazide 80mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Glyade
2. Bagaimana Glyade berfungsi
3. Sebelum mengambil Glyade
4. Cara menggunakan Glyade
5. Semasa menggunakan Glyade
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Glyade
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftar produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Glyade

Nama ubat anda ialah Glyade. Glyade mengandungi ramuan aktif 'gliclazide'. Gliclazide tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan sulfonilurea. Ubat ini membebaskan ramuan aktif gliclazide secara beransur-ansur dalam tempoh lebih 24 jam.

Glyade digunakan untuk mengawal glukosa darah (gula) di kalangan pesakit diabetes melitus (kencing manis) Jenis II. Diabetes jenis ini juga dikenali sebagai diabetes yang tidak bergantung pada insulin (NIDDM), atau diabetes semasa matang.

Glyade digunakan apabila diet dan senaman tidak cukup untuk mengawal glukosa darah anda. Glyade boleh digunakan secara tersendiri atau bersama dengan insulin atau ubat lain untuk merawat diabetes.

## Bagaimana Glyade berfungsi

Glukosa digunakan oleh badan untuk membekalkan tenaga, dan semua orang mempunyai glukosa yang beredar dalam darah mereka. Dalam diabetes, paras glukosa darah adalah lebih tinggi daripada biasa dan ini dikenali sebagai hiperglisemia.

Jika paras glukosa darah anda tidak dikawal dengan sewajarnya, anda mungkin mengalami hipoglisemia (glukosa darah rendah) atau hiperglisemia (glukosa darah tinggi). Glukosa darah tinggi boleh menyebabkan masalah jantung,

peredaran dan/atau buah pinggang yang serius.

Glukosa darah yang tinggi perlu dikawal tidak kira sama ada anda rasa sihat atau tidak. Ini membantu mengelakkan masalah kesihatan jangka panjang, yang mungkin membabitkan jantung, mata, peredaran darah dan/atau buah pinggang.

Glyade digunakan apabila diet dan senaman tidak cukup untuk mengawal glukosa darah anda dengan sewajarnya. Ia mengurangkan glukosa darah dengan meningkatkan jumlah insulin (hormon yang mengawal paras glukosa darah) yang dihasilkan oleh pankreas anda.

Seperti semua ubat yang digunakan untuk merawat diabetes, terdapat kemungkinan bahawa paras glukosa darah menjadi sangat rendah semasa rawatan dengan Glyade. Ini dikenali sebagai hipoglisemia.

Glyade hanya boleh didapati dengan preskripsi doktor. Glyade tidak menyebabkan ketagihan. Tanya doktor anda jika anda mempunyai apa-apa soalan tentang mengapa Glyade diberikan kepada anda.

## Sebelum mengambil Glyade

Ada sesetengah orang tidak patut mengambil Glyade. Sila baca senarai di bawah. Jika anda rasa mana-mana keadaan berikut berkenaan dengan anda, atau jika anda mempunyai apa-apa soalan, sila berunding dengan doktor, ahli farmasi atau pendidik diabetes anda.

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Glyade jika anda alah kepada Glyade, sulfonilurea, antibiotik jenis sulfa, diuretik thiazide (pil air) atau mana-mana ramuan yang tersenarai di akhir risalah ini.

Gejala tindak balas alahan kepada ubat ini mungkin termasuk:

- ruam kulit

- gatal atau geligata

Jika anda tidak pasti sama ada anda alah kepada Glyade, tanya doktor anda.

Jangan ambil Glyade jika anda mengalami atau pernah mengalami mana-mana keadaan berikut:

- diabetes melitus Jenis 1 (juga dikenali sebagai diabetes bergantung pada insulin (NIDDM), atau diabetes yang dialami semasa kanak-kanak).
- diabetes tidak stabil
- jika anda menghidap ketoasidosis diabetes (masalah yang menjejaskan keasidan darah anda dan boleh menyebabkan koma – yang dikaitkan terutamanya dengan diabetes Jenis 1).
- penyakit buah pinggang teruk
- penyakit hati teruk

Jika anda tidak pasti mengalami mana-mana daripada di atas, tanya doktor anda.

Jangan ambil Glyade jika anda hamil atau merancang untuk hamil. Insulin lebih sesuai untuk mengawal glukosa darah semasa kehamilan. Doktor anda biasanya menggantikan Glyade dengan insulin semasa anda hamil. Jangan ambil Glyade jika anda sedang menyusukan bayi atau merancang untuk menyusukan bayi. Glyade tidak disyorkan semasa anda menyusukan bayi.

Jangan ambil Glyade selepas tarikh luput (EXP) yang dicetak pada pek. Jika anda mengambilnya selepas tarikh luput fungsinya mungkin terjejas.

Jangan ambil Glyade jika pembungkusan koyak atau menunjukkan tanda terbuka. Jika rosak, pulangkan kepada ahli farmasi untuk pelupusan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil Glyade, berbincanglah dengan doktor anda.

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda mempunyai alah kepada:

- sebarang ramuan yang disenaraikan di akhir risalah ini.
- sebarang ubat lain
- sebarang bahan lain, seperti makanan, pengawet atau pewarna

Beritahu doktor jika anda mengalami mana-mana masalah perubatan berikut:

- penyakit buah pinggang
- penyakit hati
- sejarah koma diabetes
- masalah adrenal, pituitari atau tiroid

Beritahu doktor jika anda mengalami sebarang masalah perubatan, atau melakukan apa-apa yang mungkin meningkatkan risiko hiperglisemia sebagai contoh:

- jika anda sakit atau rasa tidak sihat (terutamanya demam atau jangkitan)
- anda tercedera
- anda menjalani pembedahan
- anda mengambil Glyade dalam jumlah yang kurang daripada yang disyorkan
- anda melakukan kurang senaman daripada biasa
- anda makan lebih banyak karbohidrat daripada biasa

Beritahu doktor jika anda mengalami sebarang masalah perubatan, atau melakukan apa-apa yang meningkatkan risiko hipoglisemia – sebagai contoh:

- minum minuman beralkohol.
- tidak menepati waktu makan seperti biasa.
- lebih banyak bersenam daripada biasa.

Jika anda belum memberitahu doktor, ahli farmasi atau pendidik diabetes anda tentang mana-mana daripada yang di atas, beritahu mereka sebelum anda mula mengambil Glyade.

#### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor, ahli farmasi atau pendidik diabetes anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat mungkin menyebabkan glukosa darah yang rendah (hipoglisemia) dengan meningkatkan kesan pengurangan glukosa darah Glyade. Ini termasuk:

- ubat lain yang digunakan untuk merawat diabetes (pil dan insulin)
- sesetengah ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi dan masalah jantung lain
- Sesetengah ubat untuk kemurungan dan sakit mental lain.
- Sesetengah ubat untuk tahap trigliserida yang tinggi.
- Sesetengah ubat yang digunakan untuk merawat artritis, kesakitan dan radang.
- Sesetengah ubat antibiotik
- Sesetengah ubat yang digunakan untuk mencegah darah beku (warfarin dan ubat lain yang berfungsi sama)

Anda mungkin perlu mengambil jumlah ubat berbeza atau mengambil ubat yang berbeza. Doktor, ahli farmasi atau pendidik diabetes anda boleh menasihati anda dengan sewajarnya jika anda mengambil mana-mana daripada ubat ini. Mereka juga mempunyai senarai ubat lebih lengkap yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil Glyade.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti jika anda mengambil mana-mana ubat ini.

#### **Cara menggunakan Glyade**

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan yang diberikan mungkin berlainan daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

#### Berapa banyak harus diambil

Jika anda tidak faham arahan yang dipaparkan pada kotak, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor anda akan memberitahu berapa banyak pil untuk diambil setiap hari. Dos permulaan yang disarankan ialah 40mg sekali sehari. Dos sehingga 160mg sekali sehari boleh diambil dalam dos tunggal. Dos lebih daripada

160mg perlu diambil dalam dos dibahagikan. Dos maksimum yang disyorkan ialah 320mg setiap hari.

#### Bila perlu diambil

Telan pil dengan segelas air. Pil Glyade boleh dipecahkan. Anda hendaklah mengambil Glyade pada masa yang sama setiap hari – biasanya bersama sarapan. Bagi dos dibahagikan, Glyade perlu diambil pada waktu pagi dan petang. Pengambilan Glyade bersama makanan boleh membantu mengurangkan risiko hipoglisemia.

Jangan tinggalkan makanan semasa mengambil Glyade.

#### Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan Glyade selagi diarah oleh doktor atau ahli farmasi anda. Pastikan anda menyimpan jumlah Glyade secukupnya untuk menampung keperluan hujung minggu dan semasa cuti. Glyade akan membantu mengawal diabetes anda tetapi tidak akan menyembuhkannya. Justeru anda mungkin perlu mengambil ubat ini untuk masa yang lama.

#### Jika terlupa mengambil

Jika sudah hampir tiba masa untuk mengambil dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada yang waktu biasa. Jika tidak, ambil ubat anda sebaik sahaja anda teringat (bersama makanan), kemudian ambil pil seperti biasa. Dos tertinggal boleh menyebabkan tahap glukosa darah yang tinggi (hiperglisemia) Jika anda tidak pasti sama ada untuk meninggalkan dos, berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Jika anda menggandakan dos, ini mungkin menyebabkan glukosa darah yang rendah (hipoglisemia)

#### Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Segera hubungi doktor anda, atau hospital berhampiran, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak Glyade. Langkah ini perlu diambil sekalipun

jika tiada tanda ketidakselesaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Jika anda mengambil terlalu banyak Glyade bersama ubat lain untuk diabetes atau alkohol, anda mungkin mengalami gejala tahap glukosa darah rendah (hipoglisemia). Jika tidak dirawat dengan segera, gejala ini mungkin menyebabkan hilang koordinasi, pertuturan tidak jelas, hilang kesedaran dan sawan. Apabila tanda pertama hipoglisemia dialami, pertingkatkan glukosa darah anda dengan segera dengan mengikuti arahan di akhir risalah ini. Jika anda mengalami mana-mana gejala tersebut, dapatkan bantuan perubatan dengan serta-merta.

### **Semasa menggunakan Glyade**

#### Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda hamil semasa anda mengambil Glyade, beritahu doktor anda. Beritahu semua doktor, doktor gigi, ahli farmasi dan pendidik diabetes yang terlibat dengan rawatan anda bahawa anda mengambil Glyade. Jika anda mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda mengambil Glyade. Ambil Glyade seperti yang disyorkan oleh doktor anda. Jika tidak anda mungkin tidak mendapat manfaat penuh rawatan.

Pastikan anda memeriksa tahap glukosa darah anda dari masa ke masa. Ini adalah cara terbaik untuk menentukan sama ada diabetes anda dikawal dengan sewajarnya. Doktor atau pendidik diabetes anda akan menunjukkan anda cara dan bila berbuat demikian. Pastikan anda, serta rakan, keluarga dan rakan sekerja anda boleh mengenal pasti gejala hipoglisemia dan hiperglisemia dan tahu cara merawat gejala tersebut. Berjumpa dengan doktor anda dari masa ke masa supaya mereka boleh memeriksa keadaan anda. Patuhi nasihat doktor atau pakar diet anda dengan teliti mengenai diet, pengambilan alkohol dan senaman.

Beritahu doktor anda serta-merta jika anda mengalami semula sebarang gejala seperti hiperglisemia sebelum

memulakan Glyade. Ini termasuk kelesuan atau keletihan, sakit kepala, dahaga, kencing dengan banyak dan penglihatan kabur. Ini mungkin tanda bahawa Glyade tidak lagi berfungsi walaupun anda telah mengambilnya dengan berkesan untuk tempoh tertentu.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama dengan anda. Jangan gunakan Glyade untuk merawat masalah lain melainkan diberitahu oleh doktor anda. Jangan berhenti mengambil Glyade, atau menukar dos tanpa berunding dengan doktor anda. Jangan tinggalkan makan semasa mengambil Glyade.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda minum alkohol semasa mengambil Glyade, anda mungkin mengalami kemerahan, sakit kepala, pernafasan yang cepat, denyutan jantung pantas, sakit dada. Lindungi kulit anda apabila anda berada di bawah panas matahari, terutamanya antara jam 10 pg hingga 3 ptg. Glyade mungkin menyebabkan kulit anda lebih sensitif kepada cahaya matahari daripada biasa. Pendedahan kepada cahaya matahari mungkin menyebabkan ruam kulit, kegatalan, kemerahan atau selaran matahari yang teruk. Jika anda nampak seperti mengalami selaran matahari, beritahu doktor anda dengan serta-merta. Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Glyade menjejaskan keupayaan anda. Di samping itu, anda perlu berhati-hati agar tidak membiarkan paras glukosa darah jatuh ke paras terlalu rendah. Glyade boleh menyebabkan pening dan mengantuk di kalangan sesetengah orang. Paras glukosa rendah juga boleh memperlambatkan masa tindak balas dan menjejaskan keupayaan anda memandu atau mengendalikan mesin. Satu bahagian di akhir risalah ini mengandungi nasihat tentang cara mengenal pasti dan merawat hipoglisemia. Minum alkohol boleh memburukkan lagi

keadaan. Jika anda mengalami mana-mana satu gejala ini, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang mungkin menimbulkan bahaya.

Jika anda melancong, anda dinasihatkan agar:

- Memakai satu bentuk pengenalan untuk menunjukkan anda menghidap diabetes.
- Membawa gula tertentu untuk merawat hipoglisemia jika ia berlaku, sebagai contoh paket gula atau gula-gula jeli.
- Membawa bekalan makanan kecemasan sekiranya terlewat, sebagai contoh, buah-buahan kering, biskut dan bar muesli.
- Memastikan Glyade sedia ada.

Jika anda jatuh sakit akibat demam atau selesema, anda hendaklah terus mengambil Glyade, walaupun jika anda tidak dapat mengambil makanan biasa anda. Jika anda mengalami masalah mengambil makanan pejal, gunakan minuman dengan pemanis gula sebagai pengganti karbohidrat atau makan sejumlah kecil makanan tawar. Pendidik diabetes atau pakar diet anda boleh memberikan senarai makanan untuk diambil pada hari anda sakit.

### **Kesan-kesan sampingan**

Jika anda rasa tidak sihat semasa mengambil Glyade, anda hendaklah memberitahu doktor, ahli farmasi atau pendidik diabetes anda secepat mungkin.

Semua ubat mungkin mempunyai kesan sampingan.

Selalunya kesan tidak serius tetapi kadangkala ia boleh menjadi serius.

Glyade membantu kebanyakan penghidap diabetes Jenis 2 tetapi kadangkala mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini. Kesan sampingan ini termasuk:

- Hipoglisemia
- Sakit perut dengan gejala seperti rasa loya, pedih hulu hati, cirit-birit dan sembelit.

Kesan sampingan lain biasanya ringan apabila dialami. Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan yang mungkin dialami. Anda mungkin tidak

mengalami mana-mana daripadanya. Walau bagaimanapun, jika anda mengalami kesan sampingan – atau anda mendapati sebarang kesan lain yang menjadikan anda rasa kurang sihat – anda hendaklah menghubungi doktor atau ahli farmasi anda. Kesan sampingan lain juga pernah dilaporkan dan anda boleh membincangkan perkara ini dengan doktor, ahli farmasi atau pendidik diabetes anda.

Jika mana-mana tanda di bawah berlaku, segera beritahu doktor anda atau pergi ke bahagian Kemalangan dan Kecemasan hospital yang terdekat:

- Ruam kulit, gatal-gatal dan/atau geligata.  
Kesan sampingan ini jarang berlaku tetapi boleh menjadi serius.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers*→*Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Glyade**

#### Penyimpanan

Simpan pil anda di dalam pek sehingga sudah tiba masa untuk mengambilnya. Glyade tidak boleh disimpan dengan baik di luar pek gelembung.

Simpan di tempat yang dingin dan kering pada suhu kekal di bawah 30°C.

Jangan simpan ubat di dalam bilik air atau berhampiran dengan sink. Jangan tinggalkan di dalam kereta atau di ambang tingkap.  
Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat tertentu.

Simpan pil Glyade di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak. Almari berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter di atas paras lantai adalah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

#### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

Pil Glyade berwarna putih, bertepi serong rata, ditanda “GZ80” di sebelah dengan garis skor berganda di sebelah lain.

Pil Glyade disediakan dalam jalur gelembung.

Saiz pek: Setiap kotak mengandungi 100 pil.

#### Bahan-bahan kandungan

##### **Bahan aktif**

Gliclazide 80mg

##### **Bahan-bahan tidak aktif**

Laktosa, *Microcrystalline cellulose*  
*Povidone K30*, *Sodium starch glycolate*, *Talc*, *Magnesium stearate*

*NOMBOR MAL: MAL19990589AZ*

##### **Pengilang**

ALPHAPHARM PTY. LTD.  
Cnr. Garnet St. and Antimony St.  
Carole Park, 4300  
Brisbane Old.,  
AUSTRALIA

##### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Merck Sdn Bhd (178145-V)  
Level 3, Menara Sunway Annexe,  
Jalan Lagoon Timur  
Bandar Sunway  
46150, Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

##### **Tarikh Kemaskini RiMUP:**

06/10/2015

##### **Nombor Siri:**

BPFK(R4/2)310715/00233